

KESAN KAEDAH DOCUMENT-BASED LESSON TERHADAP PENAAKULAN SEJARAH DALAM KALANGAN MURID BERBEZA TAHAP PEMIKIRAN KRITIS

M.Kaviza

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia, Malaysia
kavizakaviza@yahoo.com

Abstract: The purpose of this study is to examine the effect of document based lesson method on historical reasoning among different level of critical thinking students. This is a quasi experimental study using 2 X 2 factorial design with involving 111 students from two schools in north of peninsular Malaysia which were categorized into experimental group and control group using purposive-stratified random sampling technique. The historical reasoning test and Watson-Glaser Critical Thinking Appraisal Test and scoring rubric which have been verified by the content expert and have a good reliability value, discrimination and difficulty index are used in this study. The data were analysed using descriptive and inferential statistics such as Independent Sample t-test and Two Way ANOVA test. The findings of this study indicated that students in experimental group showed that higher enhancement in their historical reasoning compared to students in control group. Beside that, the higher and lower critical thinking students in experimental group also showed higher score of historical reasoning achievement compared to control group in this study. There are no significant interaction effect of teaching method and level of critical thinking on the mean score of historical reasoning. This study is suggested that document based lesson as effective teaching and learning methods to implement in 21st century history education.

Keywords: *Document based lesson, historical reasoning, level of critical thinking*

PENGENALAN

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013) yang telah dirangka bagi memenuhi kehendak standard pendidikan antarabangsa, penekanan kepada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara berdasarkan kompetensi ilmu melalui pelaksanaan kaedah pengajaran yang efektif (Abdul Razaq Ahmad, 2010; Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2003; 2015). Sehubungan dengan itu, kaedah *Document-Based Lesson* merupakan salah satu kaedah pengajaran sejarah yang berpotensi untuk melahirkan murid-murid yang mempunyai ciri-ciri yang bersifat dinamik dan berketerampilan dari segi peningkatan pencapaian akademik dan pembentukan pemikiran kritis yang telah dipraktikkan sejak tahun 1970-an lagi dalam pendidikan sejarah (Hover, Hicks & Dack, 2016; Reisman, 2012a; 2012b; Nokes, 2014). Hal ini bertepatan dengan pendapat tokoh sejarah, R.G Collingwood yang telah menjelaskan bahawa sejarah merujuk kepada disiplin sains yang melibatkan proses inkuiri tentang masa lampau dengan menggunakan bahan atau sumber sejarah yang relevan (Collingwood, 1946). Pelaksanaan kaedah *Document-Based Lesson* merupakan alternatif kepada kaedah pengajaran konvensional yang berpusatkan guru di dalam kelas. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa guru-guru memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan sesuatu kaedah pengajaran pada semua peringkat persekolahan dengan menekankan proses pemikiran sebagai tunjang utama dalam proses pembelajaran dalam kalangan murid-murid. Justeru, penggunaan sumber dan bahan sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah telah menyediakan peluang kepada murid-murid untuk mencari dan membuktikan kebenaran sesuatu peristiwa sejarah dengan membuat pertimbangan yang relevan (Gaffield, 2000; Nokes, 2011; Stoel, 2000; Wineburg, Smith & Breakstone, 2018).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kaedah *Document-Based Lesson* adalah berpotensi dilaksanakan dalam kurikulum sejarah di Malaysia selaras dengan matlamat kurikulum mata pelajaran tersebut yang menekankan penerokaan sumber-sumber sejarah bagi membuat suatu interpretasi sejarah secara konkrit (PPK, 2003; 2015). Sungguhpun begitu, pelaksanaan kaedah pengajaran konvensional yang menekankan hafalan fakta sejarah tidak berupaya untuk melibatkan murid-murid dalam proses

pembelajaran sejarah yang dapat meningkatkan daya intelek dan inkuiri yang mendalam (Fitzgerald, 2009; Ramoroka & Engelbrecht, 2015). Selain itu, kaedah *Document-Based Lesson* telah dilaksanakan secara meluas dalam konteks pendidikan sejarah di luar negara serta dilaporkan dapat meningkatkan daya pemikiran dan pemahaman murid dalam sesuatu peristiwa sejarah (Reisman, 2012a; 2012b; Nokes, 2014). Hal ini kerana pemahaman sejarah yang mendalam tidak dapat dijana sekiranya murid hanya terlibat dengan proses hafalan fakta semata-mata sahaja (Barton & Levistik, 2004; Mallihai Tambyah, 2014). Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui kaedah *Document-Based Lesson* dapat membentuk suasana pembelajaran sejarah menjadi menarik, meningkatkan penglibatan murid secara aktif (Rouet-Francois, Favart, Britt, Perfetti, 1997; Wineburg, 1991), di samping dapat menggalakkan murid untuk membuat refleksi sendiri terhadap penghujahan fakta sejarah secara lebih mendalam (Rantala & Vanden Berg, 2015).

Pada asasnya, konsep kaedah *Document-Based Lesson* adalah merujuk kepada penerokaan maklumat sejarah dengan menggunakan sumber-sumber dokumen teks sejarah sebagai bahan bukti bagi membolehkan murid-murid dapat menjelaskan sesuatu kejadian atau isu sejarah yang diperbincangkan secara komprehensif (Reisman, 2012a; 2012b; Nokes, 2014). Selain itu, kaedah *Document-Based Lesson* adalah didapati dapat meningkatkan kefahaman fakta sejarah daripada peringkat awal pembelajaran sehingga ke peringkat akhir pembelajaran dengan menggalakkan proses perbincangan antara rakan-rakan lain di dalam kelas. Sehubungan dengan itu, murid-murid yang terlibat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah *Document-Based Lesson* akan meneroka pelbagai koleksi sumber-sumber dokumen teks sejarah seperti surat khabar, manuskrip sejarah, ensklopedia, jurnal sejarah, teks ucapan, dan sebagainya sama ada dalam bentuk asli (sumber primer) mahupun dalam bentuk olahan (sumber sekunder) bagi meningkatkan pemahaman mereka dan meningkatkan kualiti penghujahan mereka (Dutt-Doner, Cook-Cottone & Alein, 2007; Reisman & Fogo, 2016; Wosyner, 2010). Oleh itu, guru-guru sejarah boleh merancang dan mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan mengintegrasikan sumber-sumber dokumen teks bagi menjana proses inkuiri sejarah seperti dihasratkan dalam kurikulum sejarah (PPK, 2003; 2015).

PERNYATAAN MASALAH

Tidak dinafikan bahawa prestasi mata pelajaran sejarah pada peringkat nasional yang sederhana (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2018) adalah disebabkan oleh kelemahan murid dalam menjawab soalan kemahiran berfikir aras tinggi yang memerlukan murid-murid untuk meneroka idea yang kompleks pada masa silam dan masa kini (Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah, 2014). Oleh kerana, kaedah pengajaran sejarah yang tertumpu hafalan fakta sejarah sepenuhnya telah menjadikan proses pembelajaran menjadi sangat membosankan (Fitzgerald, 2009; Marino, 2011; Swartz, 2012), maka kaedah pengajaran sejarah yang mengutamakan kepada pemupukan kemahiran berfikir aras tinggi yang dapat memberi ruang kepada murid-murid untuk menganalisis, merumus dan menilai fakta sejarah secara rasional adalah diperlukan. Justeru, kaedah *Document-Based Lesson* merupakan salah satu kaedah pengajaran sejarah yang dapat dipraktikkan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas sebagai alternatif kepada kaedah pengajaran sedia ada. Pelaksanaan kaedah *Document-Based Lesson* dalam mata pelajaran sejarah adalah relevan berdasarkan pendekatan Teori Konstruktivisme yang menggalakkan murid-murid untuk membina pengetahuan mereka secara aktif dan bukannya menerima pengetahuan tersebut secara pasif daripada orang lain (McBrien & Brandt, 1997). Berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas telah didapati terdapat jurang perbezaan antara murid berbeza tahap kebolehan dan ciri demografi terhadap pencapaian dan kaedah pengajaran sejarah (Anuar Ahmad, Siti Haishah Abdul Rahim & Nur Atiqah T. Abdullah, 2009; Merkt, Werner & Wagner, 2017; Nokes, 2014; Zahara Aziz & Nurliah Jair, 2009). Keadaan ini telah menimbulkan keperluan kepada pengkaji untuk menentukan sama ada tahap pemikiran kritis dalam kalangan murid mempengaruhi keberkesanan kaedah *Document-Based Lesson* yang masih belum diterokai.

TUJUAN KAJIAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan kaedah *Document-Based Lesson* terhadap penaakulan sejarah dalam kalangan murid berbeza tahap pemikiran kritis. Oleh itu, murid-murid dalam kumpulan eksperimen merupakan murid yang mengikuti kaedah *Document-Based Lesson*, manakala murid-murid dalam kumpulan kawalan pula merupakan murid yang mengikuti kaedah pengajaran sedia ada. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti perbezaan min skor penaakulan sejarah bagi murid dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan
2. Mengenal pasti perbezaan min skor penaakulan sejarah bagi murid berpemikiran kritis tinggi (murid PKT) dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid PKT dalam kumpulan kawalan
3. Mengenal pasti perbezaan min skor penaakulan sejarah bagi murid berpemikiran kritis rendah (murid PKR) dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid PKR dalam kumpulan kawalan

4. Mengenal pasti sama ada terdapat kesan interaksi antara kaedah pengajaran dan tahap pemikiran kritis terhadap min skor penaakulan sejarah

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah eksperimen-kuasi dengan rekabentuk faktorial 2 X 2 (Cook & Campbell, 1979) kerana melibatkan dua variabel tak bersandar yang dimanipulasikan iaitu kaedah pengajaran dan tahap pemikiran kritis. Kajian ini melibatkan seramai 111 orang murid Tingkatan Empat dari dua buah sekolah menengah harian di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang diwakili dengan empat buah kelas sedia ada sebagai sampel kajian ini melalui teknik persampelan bertujuan-rawak berstrata (Othman Talib, 2013). Murid-murid dalam kumpulan eksperimen dan kawalan telah ditadbirkan ujian pemikiran kritis terlebih dahulu sebelum rawatan dimulakan. Justeru, murid berpemikiran kritis tinggi (murid PKT) dan murid berpemikiran kritis rendah (murid PKR) telah ditentukan melalui kriteria pengagihan jumlah skor dalam ujian pemikiran kritis yang diadaptasi daripada kajian Jayanthee Veerapan Pakerisamy, (2015) seperti ditunjukkan pada Jadual 1 dan Jadual 2. Instrumen kajian ini terdiri daripada ujian penaakulan sejarah (lima item esei) bagi topik Tamadun Awal Manusia yang dibina oleh pengkaji dan rubrik pemarkahan yang telah diadaptasi daripada Monte-Sano dan De La Paz, (2012) serta ujian pemikiran kritis (*Watson-Glaser Critical Thinking Appraisal Test*) yang telah diadaptasi daripada kajian Sabaria Juremi, (2003). Kebenaran menggunakan rubrik pemarkahan dan ujian pemikiran kritis telah diperolehi daripada pembina dan penterjemahnya melalui email. Kesemua instrumen tersebut telahpun disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah yang berpengalaman luas melebihi 10 tahun dan mempunyai nilai kebolehpercayaan sebanyak 0.82 bagi ujian penaakulan sejarah dan nilai kebolehpercayaan sebanyak 0.79 bagi ujian pemikiran kritis yang dianggap baik (Nunnally, 1978), serta mempunyai nilai indeks kesukaran dan diskriminasi item yang boleh diterima bagi tujuan kajian ini (Nitko, 2004). Nilai kebolehpercayaan skor pemarkahan antara pemeriksa juga telah ditentukan dalam kajian ini.

Sebuah modul pengajaran berasaskan kaedah *Document-Based Lesson* telah dibangunkan dalam kajian ini (Mohd Sidek, 2006). Data kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t Sampel Tak Bersandar dan ujian ANOVA. Dua Hala yang dianalisis dengan menggunakan perisian "*IBM SPSS Statistics*" versi 24.

Jadual 1

Kriteria Pembahagian Murid Berdasarkan Tahap Pemikiran Kritis

Murid	Skor Pencapaian
Murid Pemikiran Kritis Rendah (PKR)	Skor 0-40
Murid Pemikiran Kritis Tinggi (PKT)	Skor 41-80

Sumber: Jayanthee Veerapan Pakerisamy, (2015)

Jadual 2

Bilangan Sampel Kajian

	Kumpulan Eksperimen	Kumpulan Kawalan
Murid PKR	30 orang	28 orang
Murid PKT	25 orang	28 orang
Jumlah	55 orang	56 orang

DAPATAN KAJIAN

Objektif Kajian 1

Bagi menjawab objektif kajian 1, pengkaji telah membentuk persoalan kajian (PK) dan hipotesis kajian nol (H_{01}) untuk diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) iaitu:

- PK1: Adakah terdapat perbezaan min skor penaakulan sejarah bagi murid dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan?
- H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min skor ujian pasca penaakulan sejarah bagi murid dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan

Berdasarkan Jadual 3, min skor ujian pasca penaakulan sejarah adalah lebih tinggi bagi murid dalam kumpulan eksperimen ($M=33.34$, $SD=4.96$) berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan ($M=2.32$, $SD=1.23$). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=57.30$, $p=0.77$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual

4 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan min skor ujian pasca penaakulan sejarah [$t(109)=45.40$, $p=0.00$] bagi murid dalam kumpulan eksperimen dan murid dalam kumpulan kawalan. Justeru, H_{01} berjaya ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa min skorpenaakulan sejarah adalah lebih tinggi bagi murid dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan.

Jadual 3

Perbezaan Min skorPenaakulan Sejarah antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

	Kumpulan Eksperimen			Kumpulan Kawalan		
	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min skor	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min skor
Min	2.08	33.34	31.26	2.09	2.32	0.23
Sisihan piawai	1.04	4.96	3.92	1.11	1.24	0.13

Jadual 4

Ujian-t Sampel Tak Bersandar bagi Perbezaan Min skorPenaakulan Sejarah untuk Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian Levene's		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	<i>F</i>	<i>Sig.</i>						Bawah	atas
Perbezaan Min skor	57.30	0.77	45.40	109	0.00	31.02	0.68	29.66	32.37

Objektif Kajian 2

Bagi menjawab objektif kajian 2, pengkaji telah membentuk persoalan kajian (PK) dan hipotesis kajian nol (H_{02}) untuk diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) iaitu:

PK2: Adakah terdapat perbezaan min skorpenaakulan sejarah bagi murid PKT dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid PKT dalam kumpulan kawalan?

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min skor ujian pasca penaakulan sejarah bagi murid PKT dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid PKT dalam kumpulan kawalan.

Berdasarkan Jadual 5, min skor ujian pasca penaakulan sejarah adalah lebih tinggi bagi murid PKT dalam kumpulan eksperimen ($M=32.10$, $SD=5.74$) berbanding dengan murid PKT dalam kumpulan kawalan ($M=2.21$, $SD=1.20$). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=38.99$, $p=0.26$), keputusan ujian-t Sampel Tak Bersandar dalam Jadual 6 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan min skor ujian pascapenaakulan sejarah [$t(56)=27.00$, $p=0.00$] bagi murid PKT dalam kumpulan eksperimen dan murid PKT dalam kumpulan kawalan. Justeru, H_{02} berjaya ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa min skorpenaakulan sejarah adalah lebih tinggi bagi murid PKT dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid PKT dalam kumpulan kawalan.

Jadual 5

Perbezaan Min skorPenaakulan Sejarah antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Murid PKT)

	Kumpulan Eksperimen			Kumpulan Kawalan		
	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min skor	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min skor
Min	2.38	32.10	29.72	2.01	2.21	0.20
Sisihan piawai	0.95	5.74	4.79	0.85	1.20	0.35

Jadual 6

Ujian-t Sampel Tak Bersandar bagi Perbezaan Min skorPenaakulan Sejarah untuk Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Murid PKT)

	Ujian Levene's		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Ujian-t bagi persamaan min			
	<i>F</i>	<i>Sig.</i>				Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
								Bawah	Atas
Perbezaan Min skor	38.99	0.26	27.00	56	0.00	29.89	1.11	27.67	32.10

Objektif Kajian 3

Bagi menjawab objektif kajian 3, pengkaji telah membentuk persoalan kajian (PK) dan hipotesis kajian nol (H_{03}) untuk diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) iaitu:

PK3: Adakah terdapat perbezaan min skor penaakulan sejarah bagi murid PKR dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid PKR dalam kumpulan kawalan?

H_{03} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min skor ujian pasca penaakulan sejarah bagi murid PKR dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid PKR dalam kumpulan kawalan.

Berdasarkan Jadual 7, min skor ujian pasca penaakulan sejarah adalah lebih tinggi bagi murid PKR dalam kumpulan eksperimen ($M=34.84$, $SD=3.36$) berbanding dengan murid PKR dalam kumpulan kawalan ($M=2.42$, $SD=1.29$). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=14.08$, $p=0.18$), keputusan ujian-t Sampel Tak Bersandar dalam Jadual 8 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan min skor ujian pasca penaakulan sejarah [$t(51)=47.30$, $p=0.00$] bagi murid PKR dalam kumpulan eksperimen dan murid PKR dalam kumpulan kawalan. Justeru, H_{03} berjaya ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa min skorpenaakulan sejarah adalah lebih tinggi bagi murid PKR dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid PKR dalam kumpulan kawalan.

Jadual 7

Perbezaan Min skor Penaakulan Sejarah antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Murid PKR)

	Kumpulan Eksperimen			Kumpulan Kawalan		
	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min skor	Ujian Pra	Ujian Pasca	Perbezaan Min skor
Min	2.27	34.84	32.57	2.24	3.36	1.12
Sisihan piawai	0.81	2.43	1.62	0.79	1.29	0.50

Jadual 8

Ujian-t Sampel Tak Bersandar bagi Perbezaan Min skorPenaakulan Sejarah untuk Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Murid PKR)

	Ujian Levene's		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Ujian-t bagi persamaan min			
	<i>F</i>	<i>Sig.</i>				Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
								Bawah	Atas
Perbezaan Min skor	14.08	0.18	47.30	51	0.00	32.41	0.69	31.04	33.78

Objektif Kajian 4

Bagi menjawab objektif kajian 4, pengkaji telah membentuk persoalan kajian (PK) dan hipotesis kajian nol (H_{04}) untuk diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) iaitu:

PK4: Adakah terdapat kesan interaksi antara kaedah pengajaran dan tahap pemikiran kritis terhadap min skor penaakulan sejarah?

H_{04} : Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara kaedah pengajaran dan tahap pemikiran kritis terhadap min skor penaakulan sejarah.

Dalam analisis statistik deskriptif pada Jadual 3, Jadual 5 dan Jadual 7 telah menunjukkan bahawa skor ujian pasca adalah lebih tinggi daripada ujian pra bagi min skorpenaakulan sejarah dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan kumpulan kawalan, di samping min skor ujian pasca penaakulan sejarah adalah lebih tinggi bagi murid PKT berbanding dengan murid PKR. Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F(3, 107)=5.77, p=0.10$) pada Jadual 9, keputusan ujian *ANOVA* Dua Hala pada Jadual 10 yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat kesan utama tahap pemikiran kritis [$F(1, 107)=4.93, p = 0.03, \eta^2 = 0.04$] dan kesan utama kaedah pengajaran [$F(1, 107)=2190.37, p=0.00, \eta^2=0.95$] adalah signifikan terhadap min skorpenaakulan sejarah. Seterusnya, tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara kaedah pengajaran dan tahap pemikiran kritis terhadap min skorpenaakulan sejarah [$F(1, 107)=3.60, p=0.06, \eta^2=0.03$]. Justeru, H_{04} gagal ditolak. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kaedah pengajaran dan tahap pemikiran kritis adalah mempengaruhi min skorpenaakulan sejarah secara berasingan.

Jadual 9

Ujian Levene's Kesetaraan Varians bagi Min skor Penaakulan Sejarah

<i>F</i>	<i>df1</i>	<i>df2</i>	<i>Sig</i>
24.31	3	107	0.10

Jadual 10

Keputusan Ujian Kesan Variabel Antara Subjek

Sumber	Jumlah kuasa Dua Jenis III	Darjah kebebasan	Min Kuasa Dua	<i>F</i>	<i>Sig</i>	Separata Eta Kuasa Dua
Pintasan	35396.78	1	35396.78	2892.00	0.00	0.96
MURID	60.29	1	60.29	4.93	0.03	0.04
KAEDAH	26809.08	1	26809.08	2190.37	0.00	0.95
MURID*KAEDAH	44.07	1	44.07	3.60	0.06	0.03
Ralat	1309.63	107	12.24			

Pada aras kesignifikan 0.05

PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa pelaksanaan kaedah *Document-Based Lesson* dapat meningkatkan penaakulan sejarah yang lebih berkesan berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional dan hasil dapatan kajian ini juga adalah selaras dengan pendapat yang menjelaskan bahawa murid-murid dapat meningkatkan pemikiran kritis mereka dengan lebih baik apabila mereka didedahkan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berasaskan penerokaan bahan dan sumbersejarah (Bickford, 2010; Gomez & Saiz, 2017; Rantala & Vanden Berg, 2015; Stromo, 2014). Hal ini kerana murid-murid dapat membuat perbandingan antara maklumat sejarah serta membezakan interpretasi dan tafsiran sejarah yang diberikan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada sumber-sumber sejarah bagi membuktikan kesahihan maklumat sejarah tersebut. Selain itu, murid PKT adalah dilaporkan mempamerkan peningkatan penaakulan sejarah yang lebih tinggi dalam kaedah *Document-Based Lesson* berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional. Hasil dapatan kajian ini juga adalah seiring dengan kajian Mohd Ali Samsudin, Kamisah Osman dan Lilia Halim (2007) yang menjelaskan bahawa kaedah pembelajaran mempunyai mekanisme yang berbeza dalam mendatangkan kesan yang signifikan terhadap peningkatan kemahiran penaakulan dalam mata pelajaran fizik. Sungguhpun begitu, pelaksanaan kaedah "*Document-Based Lesson*" juga adalah berkesan untuk meningkatkan penaakulan sejarah dalam kalangan murid PKR dan dapatan kajian ini adalah seiring dengan dapatan Nokes, (2014) yang melaporkan bahawa faktor demografi adalah mempengaruhi pencapaian murid dalam pelaksanaan kaedah *Document-Based Lesson* iaitu murid dari aliran biasa telah mempamerkan pencapaian yang lebih baik berbanding dengan murid aliran khas. Tambahan pula, kajian Nieuwenhuys, Roose, Wilks, Depaepe dan Vershaffel, (2017) juga telah menyokong dapatan kajian ini yang menjelaskan bahawa penggunaan sumber-sumber dokumen primer adalah berupaya untuk meningkatkan kemahiran penaakulan dalam kalangan murid di sekolah menengah. Seterusnya, dapatan kajian ini yang juga telah menunjukkan bahawa kaedah pengajaran dan tahap pemikiran kritis adalah tidak mempengaruhi penaakulan sejarah adalah bertentangan dengan dapatan kajian Mohd Ali Samsudin et al, (2007) yang mendapati tahap kebolehan murid (Murid berkebolehan tinggi dan rendah) dan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah dengan penggunaan perancangan kognitif mempengaruhi metakognisi, pemikiran saintifik dan pencapaian mata pelajaran Fizik. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran dalam kajian ini

adalah ditentukan oleh prosedur pelaksanaan dan strategi pembelajaran yang sistematis bukannya disebabkan oleh ciri-ciri demografi yang khusus.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa pelaksanaan kaedah *Document-Based Lesson* telah memberi impak yang berkesan secara positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran sejarah berdasarkan tahap pemikiran kritis yang berbeza dalam kalangan murid. Hal ini berbeza dengan kaedah pengajaran konvensional yang sedia ada yang telah menghadkan proses penajanaan kemahiran berfikir aras tinggi yang diperlukan dalam kalangan murid. Implikasi dapatan kajian ini telah mencadangkan bahawa kaedah *Document Based Lesson* dan tahap pemikiran kritis adalah saling tidak mempengaruhi antara satu sama lain dalam meningkatkan penaklukan sejarah bagi memastikan murid-murid adalah berupaya untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran secara lebih berkesan. Kajian ini juga memberi sumbangan secara empirikal bahawa pelaksanaan kaedah *Document-Based Lesson* merupakan suatu langkah inovatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah sedia ada. Justeru, pihak Pusat Perkembangan Kurikulum adalah diharapkan dapat memberikan latihan dan bengkel yang komprehensif kepada guru-guru sejarah bagi mempraktikkan kaedah *Document-Based Lesson* di dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2013-2025 yang memfokuskan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan murid-murid yang dapat bersaing pada peringkat nasional dan global.

RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad (2010). The Acquisition of Conceptual Understanding of Historical Thinking in the Context of multi-ethnic students in Malaysia. *Historia: Jurnal Pendidik dan Peneliti Sejarah*, 10(2), 108-119.
- Aidinopoulou, V., & Sampson, D. (2017). An Action Research Study From Implementing the Flipped Classroom Model in Primary School History Teaching and Learning. *Educational Technology & Society*, 20(1), 237-247.
- Aktin, K. (2016). A Semiotic Analysis on the Utilization of Historical Thinking Skills In Pre-School Period. *Academic Journals*, 11, 1335-1366.
- Anuar Ahmad, Siti Haishah Abdul Rahim & Nur Atiqah T. Abdullah. (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 53-66.
- Barton, K.C., & Levistik, L.S. (2004). *Teaching History for the Common Good*. Mahwah: Erlbaum.
- Bickford III, J.H. (2010). Complicating Students Historical Thinking through Primary Source Reinvention. *Social Studies Research and Practice*, 5(2), 47-60.
- Collingwood, R.G. (1946). *The Idea of History*. London: Oxford University Press.
- Cook, T. D., & Campbell, D.T. (1979). *Quasi-Experimentation: Design and Analysis Issues for Field Settings*. Chicago: Rand McNally.
- Dutt-Doner, K., Cook-Cottone, C., & Alien, S. (2007). Improving Classroom Instruction: Understanding the Developmental Nature of Analyzing Primary Sources. *Research in Middle Level Education*, 30(6), 1-20
- Fitzgerald, J.C. (2009). Textbooks and Primary Source Analysis. *Social Studies Research and Practice*, 4(8), 37-43.
- Gaffield, C. (2000). Primary Sources, Historical Thinking, and the Emerging Redefinition of the B.A. as a Research Degree. *Facsimile*, 12-17.
- Gomez, C, J., & Saiz, J. (2017). Narrative Inquiry and Historical Skills: A Study in Teacher Training. *Revista Electronica de Investigacion Educativa*, 19(4), 19-32.
- Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From Source to Evidence? Teachers' Use of Historical Sources in Their Classrooms. *The Social studies*, 107(6), 209-217.

- Jayanthhe Veerapan Pakerisamy (2015). *Kesan Kaedah Inkuiri Atas Talian Secara Kolaboratif Bersama Perancahan Penghujahan Terhadap Penaakulan Sejarah Dan Kualiti Hujah Dalam Kalangan Pelajar Sejarah Tingkatan Empat*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lee, M. (2013) Promoting Historical Thinking Using the Explicit Reasoning Text. *The Journal of Social Studies Research*, 37, 33-45
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2018). *Laporan Analisis Peperiksaan SPM 2013 hingga 2017*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- McBrien, J.L., & Brandt, R.S. (1997). *The Language of Learning: A Guide to education terms*. Alexandria: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Mallihai Tambyah. (2017). Teaching for “Historical Understanding”: What knowledge(s) do teachers Need to Teach History? *Australian Journal of Teacher Education*, 42(5), 35-50.
- Marino, M.P. (2011). High School World History Textbooks: An Analysis of Content Focus and Chronological Approaches. *The History Teacher*, 44(3), 421- 446.
- Merkt, M., Werner, M., & Wagner, W. (2017) Historical Thinking Skills and Mastery of Multiple Documents Tasks. *Learning and Individual Differences*, 54, 135-146.
- Mohd Ali Samsudin, Kamisah Osman & Lilia Halim (2007) Kesan Penggunaan Perancahan Kognitif Dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah Terhadap Strategi Metakognitif, Pemikiran Saintifik Dan Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Fizik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 27(1), 101-11-8.
- Monte-Sano, C., & De La Paz, S. (2012). Using writing Tasks to Elicit Adolescent’s Historical Reasoning. *Journal of Literacy Research*, 44(3), 273-299.
- Nieuwenhuyse, K.V., Roose, H., Wils, K., Depaepe, F., Verschaffel, L. (2017). Reasoning With And /Or About Sources? The Use of Primary Sources in Flemish Secondary School History Education. *Journal of Historical Consciousness, Historical Cultures and History Education*, 48-70.
- Nitko, A. J. (2004). *Educational Assessment of Students*. (Ed.Ke-4). Upper Saddle River: Merrill
- Nokes, J.D. (2011). Recognizing and Addressing the Barriers to Adolescents’ “Reading like Historians”. *The History Teacher*, 44(3), 279-404.
- Nokes, J.D. (2014). Elementary Students’ Roles and Epistemic Stances during Document Based History Lessons. *Theory & Research in Social Education*, 42, 375-413.
- Nunnally, J. C. (1975). The Study of Change Evaluation Research: Principles Conserving Measurement Experimental Design and Analysis. Dlm. Struening, E. L. & Guttentag, M. (Pynt.). *Handbook of Evaluation Research*, Hlm. 231-272. Beverly Hills: Sage Merrill.
- Othman Talib.(2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Ramoroka, D., & Engelbrecht, A. (2015). The Role of History Textbooks in Promoting Historical Thinking in South African Classrooms. *Yesterday & Today*, 14, 99-124.
- Rantala, J. & Van Den Berg, M. (2015). Finnish high school and university students' ability to handle multiple source documents in history. *Historical Encounters: A Journal of Historical Consciousness, Historical Cultures and History Education*, 2(1), 70-88.
- Reisman, A. (2012a). Reading like a Historian: A Document Based History Curriculum Intervention in Urban High Schools. *Cognition and Instruction*, 30(1), 86-112.
- Reisman, A. (2012b). The "Document-Based Lesson": Bringing Disciplinary Inquiry into High School History Classrooms with Adolescent Struggling Readers. *Journal of Curriculum Studies*, 44(2), 233-264.
- Reisman, A., & Fogo, B. (2016). Contributions Of Educative Document Based Curricular Materials To Quality Of Historical Instruction. *Teaching and Teacher Education*, 59, 191-202.
- Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah. (2014). Kesan Penggunaan Sumber Sejarah Digital Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah. 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA 2014), 23-27 Ogos 2014, Alor Setar, Kedah Malaysia.
- Rouet-Francois, J., Favart, M., Britt, M.A., Perfetti, C.A. (1997). Studying and Using Multiple Documents in History: Effects of Discipline Expertise. *Cognition and Instruction*, 15(1), 85-106.
- Sabaria Juremi, (2003). Kesan Penggunaan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah Terhadap Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif, Proses Sains dan Pencapaian Biologi. Tesis Kedoktoran tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Stovel, J.E. (2000). Document Analysis as a Tool to Strengthen Student Writing. *The History Teacher*, 33(4), 501-509.
- Stromo, H.I. (2014). Students' Sourcing While Reading and Writing From Multiple Web Documents. *Nordic Journal of Digital Literacy*, 9, 91-111.
- Swartz, E.E. (2012). Distinguishing Themes of Cultural Responsiveness: A Study of Document Based Learning. *The Journal of Social Studies Research*, 36(2), 135-167.
- Wineburg, S. (1991). Historical Problem Solving: A Study of the Cognitive Processes Used in the Evaluation of Documentary and Pictorial Evidence. *Journal of Educational Psychology*, 83, 73-87
- Wineburg, S., Smith, M., & Breakstone, J. (2018). What Is Learned in College History Classes? *The Journal of American History*, 983-993.
- Woysner, C. (2010). Inquiry Teaching with Primary Source Documents: An Iterative Approach. *Social Studies Research and Practice*, 5(3), 36-45.
- Zahara Aziz & Nurliah Jair. (2009). Penggunaan Peta Konsep Untuk Meningkatkan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Bagi Pelajar Tingkatan Dua. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 3-15.

PENERIMAAN GURU SEKOLAH RENDAH TERHADAP PENDEKATAN KELAS BERBALIK DALAM MATA PELAJARAN BAHASA TAMIL

***Siti Hajar Halili**
Sumathy A/P Ramas
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
**siti_hajar@um.edu.my*

Abstract: This study was conducted to identify the teachers' acceptance of flipped classroom approach in teaching Tamil language. Theory of technology acceptance is used to identify the teachers' acceptance of using flipped classroom approach in teaching Tamil language. The study was conducted using quantitative approach. 100 respondents among teachers were chosen as samples in this study. Questionnaire was used to collect data. Descriptive analysis was used to analyze data using SPSS software. The result of this study demonstrated that teachers had positive acceptance of using flipped classroom approach in Tamil language. Based on the results, further research has been proposed to increase the effective use of flipped classroom approach in the teaching of Tamil language among teachers.

Keywords: *Teachers' acceptance, flipped classroom approach, Tamil language, theory acceptance model.*

PENGENALAN

Sistem pendidikan telah melalui pelbagai perkembangan dan perubahan mengikut arus peredaran dunia serta perkembangan teknologi dan sains (Masyuniza, 2015). Adalah menjadi kewajipan sesebuah negara dalam merangka sistem pendidikan yang membuatkan pelajar menuntut pendidikan dari setiap tempat yang dihuni pada bila-bila masa sahaja (Umi & Ahmad, 2014). Wan Ismail, Muhammad, Lubis dan Hamzah (2016) menyatakan pendidikan abad ke 21 mewujudkan aspek kolaborasi yang mana individu berkolaborasi dari pelbagai budaya, agama, ideologi, dan gaya hidup dalam persekitaran keterbukaan dan saling menghormati. Sejarah dengan perkembangan dalam sistem pendidikan yang mementingkan ciri-ciri dan kemahiran abad ke 21, guru-guru menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan sistem pendidikan ini (Rafiza et. al., 2016).

Selain itu, sikap guru-guru bahasa Tamil guna memainkan peranan penting dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Alagesan (2012) membuktikan bahawa guru mempunyai sikap yang positif dalam penggunaan elemen teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bahasa Tamil. Walau bagaimanapun, kajian beliau juga menunjukkan bahawa aplikasi pedagogi dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil didapati berada dalam tahap yang sederhana. Ini membuktikan bahawa penerimaan guru dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih kurang meluas. Johan (2007) serta Siti Hajar dan Suguneswary (2016) menyatakan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah banyak mempengaruhi dalam bidang pendidikan khususnya, pengaplikasian teknologi ini dalam pengajaran dan pembelajaran memberikan satu anjakan baru dalam sistem pendidikan.

Konsep Pembelajaran Berbalik

Salah satu pengintegrasian penggunaan teknologi dalam abad ke 21 dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah pendekatan kelas berbalik. Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kajian yang berkaitan dengan kelas berbalik dilakukan oleh penyelidik dari negara-negara luar (Nederveld dan Berge, 2015; Simpson dan Richards 2015; Touchton, 2015; Morgan, 2014; Tune et.al., 2013; Milman, 2012). Terdapat hanya beberapa penyelidik tempatan membuat kajian mengenai kelas berbalik. Jamaludin dan Osman, (2014) lebih memberi tumpuan kepada penggunaan kelas berbalik untuk meningkatkan penglibatan dan menggalakkan pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar. Johari Hassan dan Siti Norazlina Kamisan (2015) melakukan kajian mengenai pelaksanaan kelas berbalik di Universiti Pertahanan. Manakala Zamzami dan Halili (2016) membuat kajian mengenai penggunaan bilik darjah berbalik ke dalam pengajaran dan

pembelajaran aktiviti. Kelas berbalik merupakan satu kaedah pembelajaran yang memberi peluang kepada murid untuk mengulang kaji pelajaran di rumah dan waktu pembelajaran di sekolah akan dilaksanakan dengan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti kuiz, perbincangan, permainan dan sebagainya (Halili dan Rafiza, 2015; Yap dan Liaw, 2013).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekangan dalam pelaksanaan kelas berbalik dan masalah yang timbul dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan dengan kelas berbalik. Antara masalah yang sering timbul adalah kaedah ini mengurangkan tanggungjawab guru di dalam kelas kerana aktiviti pengajaran dijalankan menerusi di atas talian, ia mengurangkan interaksi pelajar dan guru, pembelajaran dapat dicapai hanya melalui menonton video, tiada kawalan ke atas murid dalam menonton video dan ia hanya boleh digunakan untuk subjek-subjek tertentu sahaja. Selain itu, mereka juga turut menyatakan bahawa pendekatan kelas berbalik hanya berfokuskan dengan penggunaan video sahaja (Nederveld dan Berge, 2015; Simpson dan Richards 2015; Touchton, 2015; Morgan, 2014; Baepler, Walker & Driessen, 2014; Tune et.al., 2013; Milman, 2012).

Penerimaan Guru Terhadap Pembelajaran Berbalik

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran abad ke 21, pelbagai jenis peralatan dan kemudahan penggunaan teknologi telah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan pencapaian dan pemahaman murid dalam pendidikan yang mampu bersaing di persada dunia. Salah satu yang kian mendapat sambutan yang baik di luar negara ialah pendekatan konsep bilik darjah berbalik. Dalam penggunaan kaedah kelas berbalik, terdapat peralihan daripada penggunaan bilik darjah yang berpusatkan guru kepada pendekatan berpusat murid yang mana dalam bilik darjah, penggunaan masa boleh digunakan untuk meneroka topik dengan lebih mendalam dan mewujudkan lebih banyak peluang pembelajaran dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti kuiz, permainan, perbincangan, perbincangan, penyelesaian masalah dan sebagainya. Menurut Baker (2000), pendekatan kelas berbalik merupakan salah satu kaedah pembelajaran berpusatkan murid yang telah diperkenalkan pada tahun 2000. Menurut Herreid dan Schiller (2012) dan Hamdan et.al., (2013), pada awalnya kelas berbalik mula dilaksanakan di peringkat universiti dalam bidang teknologi sebelum digunakan secara meluas dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik.

Kajian Norizan (2010) dan Kumar dan Eron (2014) melihat kesediaan guru dalam penggunaan komputer mendapati guru-guru lebih mengetahui tentang komputer dan bukannya kebolehan menggunakan komputer. Kesediaan guru merupakan salah satu elemen penting serta dapat memainkan peranan untuk membantu murid menyesuaikan diri dalam suasana dan kaedah pembelajaran yang baru serta didedahkan dengan penggunaan teknologi yang baru. Penggunaan teknologi dalam persekitaran pembelajaran kelas berbalik bermanfaat kerana menyediakan murid dengan akses yang luas kepada sumber yang kaya dan bahan pembelajaran tanpa terhad di dalam kelas sahaja. Beliau juga membuktikan bahawa pedagogi yang menyeluruh dan jelas perlu dilaksanakan untuk melaksanakan pendidikan tanpa sempadan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dijalankan oleh Norsidah, Rosnaini dan Mokhtar (2012) mendapati bahawa para guru masih lagi menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi pada kadar yang rendah di sekolah. Kajian yang berkaitan penerimaan persekitaran pembelajaran kelas berbalik dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil di sekolah rendah perlu dilaksanakan bagi melihat sejauhmana penerimaan mereka terhadap pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, objektif utama kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti penerimaan persepsi kepenggunaan (*perceived usefulness*) dan kemudahan penggunaan (*perceived ease of use*) kelas berbalik dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil.

METODOLOGI

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih reka bentuk pendekatan kuantitatif. Kaedah ini adalah sesuai bagi tajuk kajian ini yang memerlukan maklumat dan balasan daripada responden yang merangkumi kawasan yang luas. Populasi dan sampel kajian adalah merangkumi semua guru-guru sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) Daerah Kuala Pilah, Jempol dan Jelevu iaitu seramai 100 orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Tamil. Populasi dan sampel dalam kajian ini adalah terdiri dalam kalangan guru-guru daripada 14 buah sekolah SJKT Daerah Kuala Pilah, Jempol dan Jelevu sahaja. Sekolah ini kebanyakannya terletak di kampung dan ladang-ladang kelapa sawit dan getah. Rasional pengkaji memilih sekolah Tamil sahaja adalah disebabkan terletak di kawasan luar bandar di daerah daerah Kuala Pilah, Jempol dan Jelevu yang mempunyai kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang kurang baik. Malah guru-guru mengajar mata pelajaran yang sama iaitu bahasa Tamil peringkat rendah. Selain itu, kaedah persampelan rawak

digunakan dalam kajian ini. Persampelan ini sesuai digunakan dalam kumpulan guru tidak seragam dari segi etnik dan kelulusan (Creswell, 2015).

Sebelum kajian sebenarnya dijalankan, satu kajian rintis dijalankan di daerah Kuala Pilah, Jempol dan Jelevu, Negeri Sembilan. Sebanyak dua buah sekolah Kebangsaan dikenal pasti iaitu sekolah-sekolah ini hampir serupa dengan suasana sekolah di tempat kajian sebenarnya dan daripadanya 30 orang guru yang mengajar pelbagai (setiap sekolah 15 orang guru dipilih secara rawak mudah) dipilih untuk menjalankan kajian rintis ini. Item soalan diuji dengan menggunakan model pengukuran Alpha (*Cronbach*) yang diasaskan kepada model kekonsistenan dalaman (*internal consistency*). Nilai maksimum bagi pekali kebolehpercayaan ialah 1. Oleh itu, item-item soalan ini boleh digunakan dan mampu memberi jawapan yang konsisten jika diuji kepada seseorang pada dua masa yang berbeza. ut menggambarkan bahawa alat tersebut mampu memberi hasil ukuran yang stabil. Untuk kajian ini, soalselidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A (Bahagian A: Maklumat Demografi) dan bahagian B (Bahagian B: Penerimaan penggunaan kelas berbalik). Bahagian A mengandungi ciri-ciri yang berhubung dengan latar belakang guru seperti jantina, umur, kelulusan akademik tertinggi, tempoh perkhidmatan, kategori perkhidmatan, dan jawatan yang disandang. Responden dikendaki memberi jawapan yang paling tepat tentang diri mereka dengan menandakan (✓) pada pilihan jawapan yang diberikan. Responden dikehendaki memberi satu jawapan kepada semua soalan dalam bahagian A ini. Manakala, bahagian B pula mengandungi sebanyak 13 item yang mengenai aspek penerimaan penggunaan pembelajaran kelas berbalik yang diadaptasi oleh Saleh dan Steve (2014).

Kajian ini akan memperkenalkan penerimaan persekitaran kelas berbalik bagi mata pelajaran bahasa Tamil dalam kalangan guru-guru SJK Tamil. Murid-murid akan menonton video di rumah terlebih dahulu, dan guru akan melaksanakan aktiviti berkaitan mata pelajaran Bbahasa Tamil. Bahan-bahan video yang diadaptasi dari laman web *Youtube* dimuat naik dalam platform pembelajaran maya Frog (Vle Frog). Platform Vle Frog digunakan kerana setiap guru dan murid mempunyai akses terhadap penggunaan platform ini dan platform ini memudahkan murid-murid untuk mengakses mata pelajaran mereka di samping dapat membantu pelaksanaan kaedah kelas berbalik dengan baik.

Perlaksanaan kaedah kelas berbalik ini akan dilaksanakan selama empat minggu untuk guru-guru dalam mata pelajaran bahasa Tamil yang mana semua guru yang terlibat akan diberikan skop tajuk mata pelajaran yang sama. Program ini dilaksanakan selama empat minggu supaya para guru dapat memahami betapa mudahnya untuk menerapkan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran kepada murid melalui penggunaan bahan-bahan video yang dimuatnaik di Vle Frog. Dengan ini, para guru akan memahami bahawa murid-murid akan mengetahui lebih awal tentang objektif pembelajaran yang akan diajar pada waktu pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mendalam.

Seterusnya, borang soal selidik akan diedarkan secara persendirian oleh pengkaji kepada semua guru yang terlibat dalam kajian ini pada minggu ke empat melalui penggunaan media sosial iaitu 'WhatsApp'. Pengkaji telah muat naik soal selidik dalam *google drive* sebelum muat naik dalam *WhatsApp*. Soal selidik berbentuk digital ini memudahkan para guru dalam proses memberikan respon mereka dengan serta merta. Para guru yang terlibat dalam kajian ini akan akan menekan pautan yang diberikan, mengisi borang soal selidik dan akan mengembalikan semula borang soal selidik dengan menghantar semula kepada pengkaji. Ini adalah bertujuan untuk melihat tahap penerimaan penggunaan kelas berbalik bagi mata pelajaran bahasa Tamil dalam kalangan guru-guru SJKT Tamil.

DAPATAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian iaitu tahap penerimaan persepsi kepenggunaan (*perceived usefulness*) kelas berbalik dan kemudahan penggunaan (*perceived ease of use*) kelas berbalik dalam kalangan guru-guru Tamil peringkat rendah, pengkaji telah menjalankan analisis deskriptif iaitu min, sisihan piawai dan peratus bagi kedua-dua persoalan kajian seperti di Jadual 1. Hasil kajian menunjukkan nilai minimum bagi kedua-dua elemen ini adalah empat dan nilai maximum adalah tujuh. Manakala, elemen persepsi kepenggunaan menunjukkan nilai min sebanyak 6.20 dengan sisihan piawai sebanyak 0.584. sementara elemen kemudahan penggunaan menunjukkan nilai min sebanyak 6.19 dengan sisihan piawai .579. Kebanyakan responden kajian memilih skala *neutral*, sedikit bersetuju, agak setuju dan sangat bersetuju. Item yang disenaraikan di bawah dimensi ini adalah bagi tujuan mengenal pasti penerimaan persepsi kepenggunaan kelas berbalik dalam kalangan guru. Sebanyak tujuh item telah disenaraikan di bawah dimensi ini. Analisis keterangan telah dijalankan dan item pertama serta item keempat mendapat nilai min yang tinggi iaitu sebanyak 6.26. Hasil ini membuktikan bahawa pelaksanaan kelas berbalik merupakan satu kaedah yang mudah serta menjadi fleksibel. Nilai min ini diikuti dengan item kedua yang mendapat nilai min sebanyak 6.22 dengan sisihan piawai sebanyak 0.561 menyatakan bahawa kelas berbalik ini mengwujudkan interaksi yang mudah difahami dalam kalangan pelajar. Seterusnya, empat item yang lain mendapat nilai min yang sama iaitu sebanyak 6.18 yang mana kesemuanya meluahkan perasaan yang positif dalam kalangan guru terhadap pelaksanaan dan penerimaan kelas berbalik.


Berdasarkan Jadual 1 dan Rajah 1, dapat dirumuskan bahawa dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden memilih agak setuju (AS) sebagai skala persetujuan bagi tujuh item yang disenaraikan. Sebagai kesimpulannya, hasil ini mengukuhkan bahawa responden menerima perlaksanaan kaedah kelas berbalik dalam kalangan guru.

Jadual 1

Tahap peratus, min dan sisihan piawai penerimaan persepsi kepenggunaan

Item	Peratus							Min	SP
	STS	ATS	STS	N	SB	AS	SB		
Penerimaan persepsi kepenggunaan	%	%	%	%	%	%	%		
1. Saya merasakan bahawa menggunakan kaedah kelas berbalik yang akan menjadi mudah bagi saya	0	0	0	0	1	72	27	6.26	.463
2. Saya merasakan bahawa interaksi saya dengan kaedah kelas berbalik akan menjadi jelas dan mudah difahami	0	0	0	2	1	70	27	6.22	.561
3. Saya rasa ia akan menjadi mudah untuk menjadi mahir dengan menggunakan kaedah kelas berbalik	0	0	0	4	1	68	27	6.18	.642
4. Saya merasakan berinteraksi dengan menggunakan kaedah kelas berbalik menjadi fleksibel	0	0	0	0	1	72	27	6.26	.463
5. Belajar untuk mengendalikan kaedah kelas berbalik akan menjadi mudah bagi saya	0	0	0	4	1	68	27	6.18	.642
6. Saya dapat membuat apa yang saya hendak menerusi dengan menggunakan kaedah kelas berbalik.	0	0	0	5	1	67	27	6.16	.677
7. Saya rasa keupayaan saya untuk menentukan kaedah kelas berbalik kemudahan penggunaan adalah terhad oleh kekurangan pengalaman saya	0	0	0	4	1	68	27	6.18	.642
Jumlah								6.20	.584

Petunjuk: STS: Sangat tidak bersetuju, ATS: Agak tidak bersetuju, STS: Sedikit tidak bersetuju, N: Neutral, SB: Sedikit bersetuju, AS: Agak bersetuju, dan SB: Sangat bersetuju



Rajah 1. Tahap penerimaan persepsi kepenggunaan

Seterusnya, jadual 2 menunjukkan hasil dapatan bagi dimensi kemudahan penggunaan yang mana pengkaji telah menyenaraikan sebanyak enam item di bawah dimensi ini. Hasil keseluruhan nilai min yang didapati bagi dimensi ini adalah sebanyak 6.19 dengan sisihan piawai sebanyak 0.579. Hasil dapatan bagi dimensi ini dapat ditunjukkan dalam rajah 2 yang mana majoriti responden kajian memilih skala agak setuju (AS) bagi setiap item yang disenaraikan di bawah dimensi ini. Item pertama dan kelima mendapat nilai min yang tertinggi dengan nilainya sebanyak 6.22. Maka, ini membuktikan bahawa kaedah kelas berbalik ini membolehkan melaksanakan tugas dengan lebih cepat dan mudah.


Hasil dapatan juga membuktikan bahawa penggunaan kaedah kelas berbalik meningkatkan prestasi kerja para guru dan ia juga meningkatkan produktiviti guru mengajar. Hasil analisis membuktikan semua item yang disenaraikan di bawah dimensi mendapat persetujuan yang positif dalam kalangan responden kajian.

Jadual 2

Tahap peratus, min dan sisihan piawai penerimaan kemudahan penggunaan.

Item	Peratus							Min	SP
	Penerimaan Kemudahan Penggunaan		STS	ATS	STS	N	SB		
	STS %	ATS %	STS %	N %	SB %	AS %	SB %		
1. Menggunakan kaedah kelas berbalik dalam tugas saya akan membolehkan saya untuk melaksanakan tugas-tugas dengan lebih cepat	0	0	0	1	3	69	27	6.22	.543
2. Menggunakan kaedah kelas berbalik akan meningkatkan prestasi kerja saya.	0	0	0	0	6	67	27	6.21	.537
3. menggunakan kaedah kelas berbalik dalam tugas saya akan meningkatkan produktiviti saya	0	0	0	4	1	68	27	6.18	.642
4. Menggunakan kaedah kelas berbalik akan meningkatkan keberkesanan saya di tempat kerja.	0	0	0	6	1	66	27	6.14	.711
5. Menggunakan kaedah kelas berbalik akan membuat ia lebih mudah untuk melakukan kerja saya	0	0	0	0	5	68	27	6.22	.524
6. Saya akan mencari kaedah kelas berbalik berguna dalam tugas saya	0	0	0	0	6	70	24	6.18	.520
Jumlah								6.19	.579

Petunjuk: STS: Sangat tidak bersetuju, ATS: Agak tidak bersetuju, STS: Sedikit tidak bersetuju, N: Neutral, SB: Sedikit bersetuju, AS: Agak bersetuju, dan SB: Sangat bersetuju



Rajah 2. Tahap penerimaan Kemudahan penggunaan

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru yang bertugas di SJKT di Daerah Kuala Pilah, Jempol dan jelebu menerima persekitaran kaedah kelas berbalik. Hasil dapatan ini disokong oleh hasil kajian Jessica et. al., (2014) yang mana pendekatan kelas berbalik menggalakkan para guru yang menggunakan kaedah ini dan seterusnya mengatakan bahawa mereka akan mengesyorkan penggunaan kaedah ini kepada rakan sekerja. Dapat ini membuktikan bahawa guru menerima kaedah kelas berbalik dengan baik. Ini menunjukkan hasil kajian ini juga melaporkan bahawa rata-rata guru bersetuju bersetuju bahawa penggunaan pendekatan bilik darjah berbalik sangat membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Chung (2014) yang mana 80% daripada guru menggunakan kaedah kelas berbalik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala, dapatan kajian oleh Rahman (2015) menyatakan bahawa pelaksanaan kelas berbalik selain memenuhi keperluan pembelajaran abad ke 21, kelas berbalik adalah kaedah yang mampu mencungkil bakat-bakat pelajar. Oleh itu, pelaksanaan kelas berbalik mampu membimbing kelas tradisional yang sedia ada di sebelah kanan arahan dalam apa-apa cara yang ia menjadi berpengaruh kepada pembelajaran pelajar. Dapatan kajian ini juga hampir sama dengan kajian Hiroki (2016) yang menunjukkan bahawa penerimaan kepenggunaan kelas berbalik dalam kalangan guru berada pada tahap yang tinggi.

Kajian ini menyumbang dalam mengembangkan lagi pemahaman guru dan juga pihak sekolah terhadap kepenggunaan kelas berbalik dan kepentingannya proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan mengetahui tahap kepenggunaan mereka terhadap kelas berbalik, maka ini akan memastikan dan menimbulkan minat guru untuk melaksanakan penggunaan kaedah ini pada masa akan datang. Di samping itu, dapatan kajian ini memberi maklumat berguna untuk sekolah menyediakan program pendidikan kelas berbalik agar dapat membantu pihak yang sewajarnya dalam melaksanakan kaedah pendidikan yang sejajar dengan peredaran dunia pendidikan. Pihak sekolah juga boleh mengambil manfaat daripada dapatan kajian ini, iaitu dengan melaksanakan pendekatan kaedah kelas berbalik di sekolah. Secara tidak langsung, dapatan ini mencetus kesedaran dalam pengguna agar dapat mendidik diri mengenai kelas berbalik dan meningkatkan kekerapan penggunaan kelas berbalik sebagai tanda mengikuti arus perkembangan sistem pendidikan.

Kajian ini diharapkan akan menjadi bahan rujukan oleh guru khususnya guru-guru yang mengajar matapelajaran bahasa Tamil dalam mengenali kaedah kelas berbalik lebih terdekat tentang pelaksanaannya di luar negara serta faktor yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan. Maka, guru dapat mengetahui bahawa kaedah ini memudahkan mereka dalam melaksanakan dan menjalankan proses pengajaran terutamanya bagi mata pelajaran bahasa Tamil. Kajian masa akan datang harus meneliti sampel kajian yang merangkumi seluruh Malaysia. Bagi kajian masa depan, kajian dijalankan dengan memfokuskan satu negeri sahaja maka, pada masa akan datang pengkaji dapat melibatkan semua sekolah yang merangkumi keseluruhan Malaysia.

RUJUKAN

- Alagesan. (2012). Sikap, Kemahiran dan Halangan dalam Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Bagi Pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Menengah di Selangor Malaysia. Laporan Projek Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Baepler, P., Walker, J. D., & Driessen, M. (2014). It's not about seat time: Blending, flipping, and efficiency in active learning classrooms. *Computers & Education*, 78, 227-236.
- Baker, W. (2000). Modernization, cultural change and the persistence of traditional values. *American Sociological Review*, 65, 1-53.
- Chung, K. (2014). *Professors 'flip' classrooms, enhance learning*. Retrieved from <https://flippedlearning.org/wp-content/uploads/2016/07/Extension-of-FLipped-Learning-Lit-Review-June-2014.pdf>
- Creswell, J.W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative research* (2nd ed.), New Jersey: Pearson Education.
- Hamdan, N., Mcknight, Patrick, M., & Kari, M.A. (2013). *A review of flipped learning*. Retrieved from https://flippedlearning.org/wp-content/uploads/2016/07/LitReview_FlippedLearning.pdf

- Halili, S.H. & Zainuddin, Z. (2015). Flipping the classroom: What we know and what we don't. *The Online Journal of Distance Education and e-Learning*, 3(1), 15-22.
- Herreid, C. F., & Schiller, N. (2012). Case studies and the flipped classroom. *Journal of College Science Teaching*, 42(5), 62-66.
- Hiroki, Y. (2016). Perceived usefulness of "flipped learning" on instructional design for elementary and secondary education: with focus on pre-service teacher education. *International Journal of Information and Education Technology*, 6(6), 430-434.
- Jamaludin, R., & Osman, S.Z.M. (2014). The use of a flipped classroom to enhance engagement and promote active learning. *Journal of Education and Practice*, 5(2), 124-131.
- Jessica, Y., Kari M. A., Katherine, M., & Patrick, M. (2014). *Extension of a review of flipped learning*. Retrieved from <https://flippedlearning.org/wp-content/uploads/2016/07/Extension-of-FLipped-Learning-LIt-Review-June-2014.pdf>
- Johari Hassan., & Siti Norazlina Kamisan. (2008). Penggunaan komputer dan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di kalangan guru sekolah menengah kebangsaan luar bandar. Dalam *Isu-isu Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah*. Penerbit UTM: Johor, 15-24.
- Umi Kalthom Bte Mahbib., & Ahmad Bin Esa. (2014). Kaedah koperatif sebagai pilihan kelas abad ke 21: Sorotan literatur. *Dalam Seminar International Seminar on Technical and Vocational*, 25-26 Ogos 2014.
- Masyuniza, Y. (2015). Hubungan sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dengan kemahiran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 22-30.
- Milman, N. B. (2012). The flipped classroom strategy: What is it and how can it best be used? *Distance Learning*, 9(3), 85-87.
- Morgan, H. (2014). Focus on technology: Flip your classroom to increase academic achievement. *Childhood Education*, 90(3), 239-241.
- Nederveld, A., & Berge, Z. L. (2015). Flipped learning in the workplace. *Journal of Workplace Learning*, 27(2), 162-172.
- Norizan Abdul Muhid. (2012). Pelaksanaan PBS tidak bebaskan guru. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20121029/pe_01/Pelaksanaan-PBS-tidak-bebankan-guru.
- Norsidah T. Mohamed., Rosnaini Mahmud., & Mokhtar Dato Hj Nawawi. (2012). Tahap Pengintegrasian ICT dan Kewujudan Kondisi Ely yang Menyokong Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 2(1),1-9.
- Rahman, A., Zaid, N., Mohamed, H., Abdullah, Z., Aris, B. (2012). *Exploring Students' Learning Style Through Flipped Classroom Method*. Malaysia. Retrieved from <https://educ.utm.my/norasykin/files/2012/10/paper-VAK-final-manuscript.pdf>
- Rafiza, A.R., Dalwinder, K., Siti Hajar, H. & Zahri, R. (2016). Flipped ESL Teacher Professional Development: Embracing Change To Remain Relevant. *Teaching English With Technology*, 16 (3), 85-102
- Saleh, A., & Steve, D. (2014). Using the Technology Acceptance Model in Understanding Academics' Behavioural Intention to Use Learning Management Systems. Retrieved from https://research-repository.griffith.edu.au/bitstream/handle/10072/62162/94819_1.pdf?sequence=1
- Simpson, V., & Richards, E. (2015). Flipping the classroom to teach population health: Increasing the relevance. *Nurse Education in Practice*, 15(3), 162-167.

- Siti Hajar Halili & Rafiza Abdul Razak (2018). Flipped classroom approach for preschool students in learning English language. Retrieved from DOI<http://www.inderscience.com/info/ingeneral/forthcoming.php?jcode=ijlt>
- Siti Hajar Halili & Suguneswary. (2016). Penerimaan Guru Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Berasaskan Model Tam Dalam Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Tamil. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 31-41.
- Touchton, M. (2015). Flipping the Classroom and Student Performance in Advanced Statistics: Evidence from a Quasi-Experiment. *Journal of Political Science Education*, 11(1), 28-44.
- Tune, J. D., Sturek, M., & Basile, D. P. (2013). Flipped classroom model improves graduate student performance in cardiovascular, respiratory, and renal physiology. *Advances in physiology education*, 37(4), 316-320.
- Yap, T.K., & Liaw, C.H. (2013). Flipped classroom for active learning in big group lecture. *Dalam Simposium ISATE 2013 International Symposium on Advances in Technology Education, 25 – 27 September 2013*.
- Wan, I.W.A., Muhammad, W.I., & Hamzah, M.I. (2016). Kesiediaan guru pendidikan islam sekolah rendah di Selangor terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 3(1), 79-92.
- Zamzami Zainuddin & Siti Hajar Halili (2016). Flipped Classroom Research and Trends from Different Fields of Study. *The International Review of Research in Open and Distributed Learning (IRRODL)*, 17 (3), 313-340.

ANALISIS KANDUNGAN KAJIAN TEKNOLOGI DALAM PENDIDIKAN BAHASA MELALUI ARTIKEL-ARTIKEL TERPILIH

***Zanariah Hamid**
Chew Fong Peng
Mohd Shahril Nizam Shaharom
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
**zanariahhamid@gmail.com*

Abstract: In line with the advancement of technology, educators should not use the old approach to teaching students. This is because, by the 21st-century education is increasingly emphasizing the use of technology to produce innovative, brilliant and competitive generations. In the past, the use of computer technology was more focused on science and technology, but now all fields of social science such as language field have taken advantage of its use. Therefore, the language teaching and learning process should also evolve in line with the advancement of information and communication technology. This paper provides the content analysis of the use of technology in language education published in online journals from the "Academic Search Premier @EBSCOhost" databases. The study analysed 21 technology-related articles in language education from 2017 to 2018. Findings from content analysis found that the majority of articles on technology in language education were using experimental approaches. The study also found that most studies focus on English as a second language or foreign language. In addition, students are more often used as samples than teachers. The use of technology is found to have a positive impact on language learning, but some obstacles need to be addressed. The findings of this study can be used as a reference by researchers who study technology related to language education. This article also provides recommendations for future research on technology in language education.

Keywords: *technology in language education; content analysis; selected articles; online journals; Academic Search Premier @EBSCOhost*

PENGENALAN

Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang pesat telah mempercepat era globalisasi dalam semua bidang di seluruh dunia termasuk sektor pendidikan. Mengikut statistik, terdapat 24.9 juta pengguna Internet di Malaysia pada tahun 2017 berbanding 24.1 juta pengguna pada tahun 2015. Telefon pintar mencatatkan peratus tertinggi penggunaan (85.6%) berbanding peranti lain untuk mengakses Internet (89.4%) dan kebanyakannya berlaku di rumah (85.6%) berbanding di sekolah hanya 13.9% (*Malaysian Communication and Multimedia Commission (MCMC)*, 2017). Daripada analisis ini, jelaslah bahawa penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan masih kurang dilaksanakan walaupun kajian-kajian lepas baik di Malaysia mahupun di luar negara melaporkan penggunaan teknologi meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru di kelas (Muir-Herzig, 2004; Rohayati Ismail, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, & Othman Talib, 2012; Utakrit, 2016). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 mengharapkan penggunaan teknologi dapat mengukuhkan pembelajaran murid melalui anjakan ketujuh iaitu "Memanfaatkan ICT (*Information and Communication Technology*) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia" (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Hasrat KPM untuk mencapai kejayaan penggunaan teknologi dalam PdPc tidak mungkin dapat dicapai sekiranya tiada sokongan daripada para guru (Ertmer, 2005; Kim, Kim, Lee, Spector, & DeMeester, 2013; Rusek, Stárková, Chytrý, & Bílek, 2015). Guru ialah individu yang akan melaksanakan proses pengajaran di kelas. Justeru, faktor guru merupakan penggerak utama kepada kejayaan penggunaan teknologi di kelas (Al-alak & Alnawas, 2011). Namun, kajian terdahulu mendapati guru berada dalam keadaan yang tidak selesa dan rusing setiap kali teknologi baharu diperkenalkan (Noraini Mohamed Noh, Hani Merylina Ahmad Mustafa, Mahizer Hamzah, Arif Ismail, & Abdullah, 2013). Situasi guru kurang menggunakan teknologi ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, tetapi juga di luar negara (Tella, Tella, Toyobo, Adika, & Adeyinka, 2007; Teo, 2011).

Bagaimanakah pula penggunaan teknologi dalam pengajaran bahasa? Menurut Simin dan Ibrahim Mohammed Sani (2015), TMK bukan hanya memberi manfaat untuk subjek Sains dan Matematik sahaja, malahan subjek bahasa tidak terkecuali. Justeru, terdapat keperluan untuk mengkaji kajian-kajian terdahulu untuk mengetahui corak kajian yang menjadi pilihan pengkaji. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis artikel yang berkaitan dengan kajian penggunaan teknologi dalam pendidikan bahasa. Antara soalan kajian ialah:

- i. Apakah kaedah penyelidikan yang telah dijalankan dalam kajian berkaitan teknologi dalam pendidikan bahasa?
- ii. Apakah objektif, kaedah analisis data dan hasil kajian berkaitan teknologi dalam pendidikan bahasa?
- iii. Apakah negara pengkaji kajian, sampel, jenis teknologi dan jenis bahasa yang menjadi pilihan dalam kajian berkaitan teknologi dalam pendidikan bahasa?

KAEDAH

Artikel-artikel terpilih diperoleh daripada pangkalan data universiti iaitu *Academic Search Premier@EBSCOhost* yang diterbitkan bermula dari Januari, 2017 hingga Julai, 2018. Pengkaji menggunakan kata kunci “teknologi dalam pendidikan bahasa”. Pengkaji telah menetapkan untuk memilih hanya artikel yang berbentuk akademik jurnal, mempunyai rujukan dan artikel yang telah dinilai oleh pengkaji lain secara ilmiah. Artikel yang berbentuk prosiding, tidak lengkap, tidak boleh dimuat turun dan tidak berkaitan dengan skop kajian tidak akan dipilih. Akhirnya, pengkaji telah memilih 21 artikel yang memenuhi soalan kajian. Fokus utama adalah untuk membuat analisis kandungan daripada aspek kaedah kajian, sampel, jenis teknologi serta bahasa yang dikaji. Artikel pilihan kemudian dianalisis dan dikategorikan mengikut skop kajian.

Analisis kandungan telah lama digunakan sejak awal abad ke-20 di Amerika Syarikat untuk menganalisis data teks pelbagai format (lisan, cetak, atau elektronik). Data teks dianalisis dan dikategorikan agar dapat memberi fahaman mengenai fenomena yang dikaji (Hsieh & Shannon, 2005). Selain itu, analisis kandungan membolehkan pengkaji membuat kesimpulan yang realistik berkaitan data yang dikumpul (Bengtsson, 2016). Menurut Duriau, Reger dan Pfarrer (2007), analisis kandungan ialah alat yang berkuasa untuk mengkaji trend (arah aliran), corak kajian pengarang dan sebagainya. Analisis kandungan boleh dijalankan mengikut 10 langkah seperti yang dicadangkan oleh Cohen, Manion dan Morrison (2011):

- i. pengkaji menentukan soalan kajian untuk data yang ingin dikaji
- ii. pengkaji menentukan sumber data yang akan dikaji
- iii. pengkaji menganalisis sampel yang digunakan sama ada jenis sampel, bilangan sampel dan cara sampel diperoleh
- iv. pengkaji perlu menentukan konteks penghasilan dokumen seperti kesahihan dan kredibiliti dokumen, cara data diperoleh serta analisis yang digunakan
- v. pengkaji menentukan unit analisis yang terdapat dalam data yang dikaji
- vi. pengkaji menentukan kod yang akan digunakan untuk menganalisis data (melalui bacaan secara berulang untuk mengenal pasti aspek perbezaan, percanggahan atau persamaan seterusnya kod analisis dibentuk).
- vii. pengkaji menetapkan kategori untuk data yang akan dikaji
- viii. pengkaji menjalankan analisis mengikut kategori dan kod yang telah ditetapkan
- ix. pengkaji seterusnya menganalisis data
- x. pengkaji menghuraikan dapatan analisis yang telah dijalankan
- xi. pengkaji membuat kesimpulan

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan analisis kandungan akan dibincangkan mengikut soalan kajian. Soalan kajian pertama akan membincangkan kaedah kajian yang menjadi pilihan penyelidik. Pada bahagian ini penyelidik akan merumuskan pendekatan dan reka bentuk yang menjadi pilihan pengkaji. Seterusnya, soalan kajian kedua pula penyelidik akan menghuraikan secara ringkas objektif, kaedah analisis data dan hasil kajian. Soalan kajian ketiga menjelaskan dan merumuskan negara pengkaji kajian, sampel, jenis teknologi dan jenis bahasa yang menjadi pilihan dalam kajian berkaitan teknologi dalam pendidikan bahasa.

Soalan kajian 1: Apakah kaedah penyelidikan yang telah dijalankan dalam kajian berkaitan teknologi dalam pendidikan bahasa?

Jadual 1 menunjukkan maklumat berkaitan pendekatan dan reka bentuk kajian. Daripada analisis didapati kaedah kuantitatif menjadi pilihan 16 pengkaji untuk kajian berkaitan teknologi dalam pendidikan bahasa. Reka bentuk kajian eksperimental menjadi pilihan tertinggi (10 kajian). Jenis kajian eksperimental iaitu eksperimental benar paling banyak digunakan dalam kajian (enam kajian), manakala kuasi-eksperimental empat kajian. Penggunaan reka bentuk kajian eksperimental menurut Creswell (2014), membolehkan pengkaji menguji sesuatu idea (amalan atau prosedur) sama ada akan mempengaruhi pemboleh ubah bersandar atau tidak. Seterusnya, reka bentuk kajian tinjauan menggunakan kaedah soal selidik sebanyak enam kajian. Pendekatan kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes dan pendekatan campuran hanya dua kajian. Pendekatan campuran ialah kajian yang menggunakan soalan kajian untuk mengetahui “apa” (menggunakan data berangka atau kualitatif data) dan “bagaimana atau mengapa” (menggunakan kualitatif data). Kajian ini penting dilakukan jika pengkaji ingin memahami secara mendalam hasil dapatan kajian (Cohen, Manion, & Morrison, 2011).

Jadual 1

Pendekatan dan reka bentuk kajian

<i>Pendekatan</i>	<i>Reka Bentuk</i>	<i>F</i>	<i>Nama Pengarang/Tahun</i>
	Eksperimental	6	Shaykina & Minin (2018); Chang, Warden, & Chou (2018); Payant & Bright (2017); Ho, Hsieh, Sun, & Chen (2017); Hsiao, Lan, Kao, & Li (2017); Xodabande (2017).
Kuantitatif	Kuasi-Eksperimental Tinjauan	4	Chen & Lee (2018); Lin & Hwang (2018); Köroğlu & Çakır (2017); Dougherty & Coelho (2017).
		6	Özer (2018); Taskiran, Gumusoglu, & Aydin (2018); Faizi (2017); Hilao & Withadee (2017); Ko (2017); Lai, Li, & Wang (2017).
Kualitatif	Kajian Kes	3	González-Carriedo & Esprivalo Harrell (2018); Wing (2018); Dooly & Davitova (2018).
Campuran	Kualitatif dan Kuantitatif	2	Grigoryan (2018); Ellili-Cherif (2017)

Soalan kajian 2: Apakah objektif, kaedah analisis data dan hasil kajian berkaitan teknologi dalam pendidikan bahasa?

Kajian eksperimental oleh Shaykina dan Minin (2018), bertujuan untuk meneroka kecekapan kelas berbalik (*flip*) dapat meningkatkan kemahiran komunikasi. Seramai 30 orang pelajar universiti berumur 18 -19 tahun terpilih dalam kajian dan dibahagikan dalam dua kumpulan. Kumpulan eksperimen diajar menggunakan aplikasi pembelajaran dalam talian iaitu *gocoqr*. Kumpulan kawalan diajar secara tradisional (buku, bahan cetakan dan latihan). Proses pembelajaran kelas berbalik dianggap berkesan melalui indikator penjimatan masa, bilangan perkataan yang digunakan dalam percakapan dan jumlah masa digunakan untuk membuat latihan. Proses kajian eksperimental kajian ini tidak melibatkan ujian pra dan pasca, sebaliknya terus kepada pengajaran berbalik untuk kumpulan pertama dan pengajaran tradisional untuk kumpulan kedua. Hasil kajian mendapati kelas berbalik menjimatkan masa dan pelbagai aktiviti dapat dijalankan. Pelajar kumpulan eksperimen juga didapati bertambah 24 perkataan dan menggunakan pelbagai perkataan ketika berucap berbanding kumpulan kawalan. Pelajar yang menggunakan kelas berbalik dapat menghasilkan dan menggunakan perbendaharaan kata baharu, meningkatkan kemahiran komunikasi serta mempunyai kesan emosi yang positif.

Seterusnya, kajian eksperimental oleh Chang, Warden dan Chou (2018) dijalankan selama tiga minggu ingin mengetahui perbezaan dalam pemahaman mendengar bahasa Inggeris, beban kognitif, dan tingkah laku pembelajaran antara pembelajaran di luar kelas dengan pembelajaran di dalam kelas (komputer). Proses kajian ini ialah ujian pra (ujian mendengar), latihan menggunakan PDA (pembantu peribadi digital), GPS (sistem kedudukan global) untuk kumpulan eksperimen, diajar menggunakan komputer (kumpulan kawalan). Diikuti aktiviti pembelajaran di zoo (kumpulan eksperimen) dan di dalam kelas (kumpulan kawalan). Seterusnya kedua-dua kumpulan diberi ujian pasca dan diakhiri dengan pelajar menjawab soalan beban kognitif. Responden kajian ialah pelajar universiti yang membuat pengkhususan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Mereka dibahagikan kepada kumpulan eksperimen seramai 80 orang (26 orang lelaki, 54 orang perempuan) melaksanakan pembelajaran di zoo. Kumpulan kawalan juga seramai 80 orang (27 orang lelaki, 53 orang perempuan) menggunakan pembelajaran di dalam kelas menggunakan komputer. Analisis kajian menggunakan (1) Korelasi Pearson, (2) Analisis *Multivariate Kovarians* (MANCOVA) untuk mengetahui kemahiran mendengar bahasa Inggeris sebagai kovarian dijalankan untuk mengkaji perbezaan dalam beban

kognitif dan pemahaman mendengar bahasa Inggeris antara pembelajaran luar dan pembelajaran bahasa berbantuan komputer (CAL). Hasil kajian mendapati pembelajaran di luar kelas memberi kesan positif, prestasi pelajaran meningkat, pembelajaran di dalam dunia sebenar, kurang beban kognitif berbanding pembelajaran di dalam kelas.

Kajian Payant dan Bright (2017), meneliti persepsi 20 orang pelajar universiti yang mengambil kursus Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua terhadap penggunaan tugas dalam dua mod iaitu (1) tugas secara tradisional menggunakan perantara kertas (PM), (2) tugas menggunakan perantara teknologi (TM). Selain itu, pengkaji ingin mengetahui persepsi pelajar terhadap tugas pedagogi. Terdapat dua bentuk tugas diberi iaitu bentuk individu dan kumpulan. Dalam bentuk individu kumpulan PM mencari maklumat mengenai tiga universiti tempatan daripada lembaran maklumat mengenai universiti, manakala kumpulan TM mencari maklumat sendiri dalam talian. Bagi kerja kumpulan pula, setelah berbincang pelajar TM perlu e-mel manakala pelajar kumpulan PM perlu menulis surat justifikasi mereka memilih universiti. Seminggu kemudian pelajar mod TM akan membuat tugas menggunakan mod PM dan yang mod PM sebelum ini akan membuat tugas dengan mod TM. Hasil analisis soal selidik menunjukkan tugas yang diberi menyokong pembelajaran bahasa, membolehkan pelajar berkomunikasi, memberi pendapat dan meningkatkan kemahiran lisan. Selain itu, kumpulan tugas TM lebih menjimatkan masa dan menyeronokkan semasa mencari bahan berbanding kumpulan PM. Sebanyak 75% pelajar bersetuju untuk mengintegrasikan teknologi dalam pembelajaran.

Kajian Ho, Hsieh, Sun dan Chen (2017) bertujuan untuk (1) mengetahui jenis strategi pembelajaran yang meningkatkan prestasi pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing apabila menggunakan Sistem Arahan Pembelajaran Di mana-mana dengan Ciri-ciri Realiti (UL-IAR), (2) mengetahui sama ada pengguna dengan gaya kognitif yang berbeza mempunyai prestasi pembelajaran yang berbeza apabila menggunakan UL-IAR, (3) mengetahui jika terdapat penyelarasan terbaik antara strategi pembelajaran dan gaya kognitif apabila menggunakan UL-IAR. Proses eksperimen kajian menggunakan ujian untuk mengenal pasti tahap kognitif. Pelajar dibahagikan kepada sembilan kumpulan berbeza strategi pembelajaran (menguatkuasakan (*enforcing*), separuh menguatkuasakan (*semi-enforcing*), dan bukan menguatkuasakan (*non-enforcing*)). Satu kumpulan 10 pelajar. Hasil kajian yang dilaporkan mendapati strategi pembelajaran dan gaya kognitif yang berbeza membawa kepada prestasi pembelajaran yang berbeza apabila mereka menggunakan UL-IAR untuk mempelajari bahasa Inggeris dalam konteks kehidupan sebenar. Seterusnya, pelajar kognitif FD mempunyai strategi pembelajaran *enforcing* menghasilkan prestasi pembelajaran terbaik untuk menggunakan UL-IAR. Penggunaan UL-IAR dengan strategi pembelajaran yang berkesan dapat meningkatkan prestasi pembelajaran pengguna FD secara positif. Oleh itu, penggunaan UL-IAR yang membolehkan pelajar berkomunikasi, mendengar dan mengalami pengalaman belajar Bahasa Inggeris dalam konteks kehidupan sebenar perlu dibangunkan dalam pendidikan bahasa.

Seterusnya, kajian Hsiao, Lan, Kao dan Li (2017) menggabungkan alat visual data dan pangkalan data daripada log pembelajaran yang direkodkan dari dunia maya (SLLDB) untuk menganalisis tingkah laku pelajar semasa mereka belajar perbendaharaan kata bahasa Mandarin sebagai bahasa asing secara maya. Objektif kajian ialah (1) mengetahui strategi pembelajaran bahasa (LLSs) yang digunakan oleh pelajar, (2) mengetahui bagaimana LLSs mempengaruhi pencapaian perbendaharaan kata pelajar. Kajian ini melibatkan 14 orang pelajar universiti yang belajar bahasa Cina Mandarin sebagai bahasa asing. Proses kajian eksperimen kajian ini menggunakan ujian pra diikuti sesi pengajaran. Setelah tujuh minggu, pelajar diberi ujian pasca dan ditemu bual. Hasil kajian mendapati pelajar yang mencapai prestasi tinggi dapat melakukan pembelajaran yang lebih strategik dengan membuat kelompok yang berbeza bukan hanya berdasarkan kedudukan fizikal objek di dunia maya. Penemuan menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai pencapaian prestasi tinggi dan rendah cenderung menggunakan strategi yang berbeza dalam mempelajari kata-kata baru. Analisis visual berupaya memaparkan strategi pembelajaran perolehan perbendaharaan kata bahasa kedua.

Kajian eksperimen dijalankan oleh Xodabande (2017), untuk mengkaji keberkesanan penggunaan rangkaian media sosial *Telegram* dalam mengajar sebutan bahasa Inggeris kepada pelajar. Peserta kajian terdiri daripada 30 orang pelajar institusi pembelajaran bahasa asing (EFL) Iran. Pelajar kumpulan eksperimen (14 orang) diajar sebutan bahasa Inggeris menggunakan *Telegram*, pelajar kumpulan kawalan (16 orang) diajar sebutan tanpa menggunakan *Telegram*. Proses kajian melibatkan ujian pra diikuti kaedah pengajaran berbeza. Selepas lima minggu pelajar kawalan dan eksperimen belajar mereka diberi ujian pasca diakhiri dengan soal selidik. Analisis data: (1) ujian t, (2) ANOVA untuk membandingkan skor peserta dalam tiga masa berlainan iaitu ujian pra (masa 1), ujian pasca (masa 2) dan ujian tertunda (masa 3). Keputusan ujian pra dan ujian pasca menunjukkan bahawa sebutan para peserta dalam kumpulan eksperimen meningkat dengan ketara berbanding dengan kumpulan kawalan tetapi tidak terdapat peningkatan signifikan dalam sebutan para peserta dalam kumpulan eksperimen daripada ujian pasca ke ujian tertunda yang ditadbirkan empat minggu kemudian. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan rangkaian media sosial seperti *Telegram* dalam pengajaran bahasa sangat berkesan.

Kajian kuasi eksperimental oleh Chen dan Lee (2018) dijalankan untuk menjawab dua soalan kajian iaitu (1) untuk membangunkan sistem pembelajaran yang menyokong pembelajaran perbendaharaan kata Inggeris murid, (2) untuk mengetahui pengaruh komprehensif sistem pembelajaran sedemikian dari segi prestasi, aliran, pengawalan diri, dan tingkah laku. Responden terdiri daripada murid sekolah rendah (10 tahun) diletakkan dalam dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen (15 orang) menggunakan *My Pet Shop* dan kumpulan kawalan menggunakan *My Pet Rush* (15 orang). Pengkaji menggunakan tiga cara untuk menganalisis hasil kajian iaitu (1) ujian t kumpulan berpasangan untuk mengkaji perbezaan mengenai ujian prestasi, skala aliran, dan skala pengawal seliaan diri, (2) Analisis Satu Arah Kovarians (ANCOVA) untuk mengkaji kedua-dua kumpulan, dengan instrumen sistem sebagai pemboleh ubah bebas, skor ujian pra sebagai skor kovarian, dan ujian pasca sebagai pemboleh ubah bersandar, (3) Analisis urutan tingkah laku berked berdasarkan jujukan masa (*time sequence*) untuk meneroka corak tingkah laku. Proses kuasi-eksperimental yang terlibat ialah ujian pra (uji pencapaian), penggunaan alat permainan (*My Pet Shop dan My Pet Rush*) untuk dua kumpulan berbeza selama 35 minit untuk dua minggu diikuti ujian pasca (uji pencapaian) dan kemudian murid-murid perlu mengisi jawapan skala aliran dan skala kawalan diri. Hasil kajian mendapati komponen senario dan visual amat penting dalam pembelajaran perbendaharaan kata menggunakan alat permainan *My Pet Shop*. Murid-murid dapat menggunakan perkataan yang dipelajari dalam situasi sebenar dan meningkatkan kesedaran mereka tentang status belajar (iaitu menggunakan perwakilan visual untuk memudahkan mereka memahami) dan membimbing mereka untuk memperbaiki status belajar.

Objektif kajian pengkaji dari Taiwan iaitu Lin dan Hwang (2018) iaitu (1) untuk mengetahui sama ada pembelajaran berbalik (*flipped*) meningkatkan prestasi lisan pelajar berbanding dengan pembelajaran berasaskan video konvensional, (2) untuk mengetahui sama ada pendekatan pembelajaran berbalik mempengaruhi penyertaan pelajar, (3) untuk mengetahui sama ada pembelajaran berbalik memberi kesan terhadap corak maklum balas pelajar, (4) untuk mengetahui perbezaan pelajar yang mempunyai pencapaian tinggi dan rendah terhadap pembelajaran berbalik. Responden terdiri daripada pelajar universiti mengambil bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimental menggunakan pendekatan kelas *flip* (berbalik) seramai 33 orang dan kumpulan kawalan menggunakan pendekatan pembelajaran konvensional berasaskan video seramai 16 orang. Data dianalisis dengan (1) ujian t satu kumpulan, (2) analisis satu arah kovarians (ANCOVA) untuk menilai prestasi lisan pelajar dalam kumpulan percubaan dan kumpulan kawalan dengan menggunakan skor masa ketiga sebagai pemboleh ubah bersandar dan skor masa pertama sebagai kovariat, (3) Tingkah laku interaktif pelajar dianalisis untuk melihat corak maklum balas (peratus). Hasil kajian pengajaran setelah 18 minggu didapati prestasi kumpulan pembelajaran berbalik lebih baik daripada kumpulan pembelajaran berasaskan video. Pelajar dalam kategori pencapaian tinggi ujian lisan lebih kerap memberi maklum balas, lebih tinggi tingkah laku interaktif dan lebih puas belajar berbanding pelajar dalam kategori pencapaian rendah ujian.

Seterusnya, kajian kuasi-eksperimental oleh Koroğlu dan Çakır (2017), dijalankan untuk (1) mengetahui perbezaan markah ujian pra kumpulan eksperimen dan kawalan sebelum proses eksperimental dijalankan, (2) mengetahui perbezaan markah ujian pasca kedua-dua kumpulan selepas proses eksperimen, (3) mengetahui perbezaan ujian pasca dari segi kelancaran, koheren, sumber leksikal, tatabahasa dan sebutan. Responden terdiri daripada guru pelatih tahun pertama di sebuah universiti. Proses kuasi-eksperimental yang dijalankan ialah ujian pra (ujian komunikasi) diikuti lapan minggu pembelajaran menggunakan kaedah berbeza kumpulan eksperimen (23 orang guru) dan kumpulan kawalan (25 orang guru) untuk mengetahui kemahiran berkomunikasi (menggunakan purata dan min). Kumpulan eksperimen belajar melalui *Edmodo* menggunakan sukatan pengajaran berbalik sebagai persediaan untuk kursus Kemahiran Oral Komunikasi 1. Kumpulan kawalan belajar secara tradisional. Proses eksperimen diakhiri dengan ujian pasca. Analisis min menunjukkan pengajaran berbalik lebih baik daripada pengajaran tradisional. Pengajaran berbalik membolehkan guru pelatih belajar isi kandungan pelajaran sebelum proses belajar secara berdikari, dalam kelas guru pelatih memenuhi pembelajaran dengan aktiviti komunikasi bersama rakan menyebabkan kemahiran komunikasi mereka meningkat.

Kajian yang menggunakan kuasi-eksperimental oleh Dougherty dan Coelho (2017), mempunyai dua objektif iaitu (1) mengetahui persepsi pelajar berbahasa Arab terhadap penggunaan e-Portfolio dalam pembelajaran bahasa Inggeris, (2) meneliti perubahan persepsi semasa menggunakan e-Portfolio. Responden yang terlibat ialah 71 orang pelajar tahun pertama (9 orang perempuan, 62 orang lelaki) mendaftar kelas persediaan Bahasa Inggeris. Pelajar diberi dua soal selidik untuk dijawab. Analisis data berdasarkan jawapan pelajar dalam soal selidik, dikumpul mengikut senarai kategori. Kod warna digunakan untuk membezakan tujuan e-Portfolio pengkaji dengan senarai akhir kategori setelah analisis dijalankan. Pelajar kemudiannya diberi menggunakan e-Portfolio selama tiga bulan. Dapatan soal selidik kedua mendapati terdapat peningkatan bilangan pelajar perempuan dan lelaki yang memuji penggunaan e-Portfolio. Hasil kajian menunjukkan semua pelajar lebih positif terhadap potensi e-Portfolio untuk belajar selepas menggunakannya selama tiga bulan.

Kajian Ozer (2018), menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Objektif kajian adalah (1) mengetahui tujuan penggunaan komputer, (2) mengetahui sikap guru pelatih terhadap penggunaan komputer, (3) mengenal pasti hubungan sikap dengan jantina, gred purata (GPA) dan gred guru pelatih, (4) mengenal pasti hubungan sikap guru pra-perkhidmatan terhadap penggunaan komputer dalam kelas bahasa. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada 174 guru pelatih. Data dianalisis menggunakan (1) ANOVA dan ujian t kumpulan bersandar untuk menganalisis kesan gred, jantina, GPA terhadap sikap, (2) frekuensi untuk mengukur tujuan penggunaan komputer, (3) korelasi digunakan untuk mengukur sikap dan sikap guru terhadap komputer. Analisis data yang dikumpulkan dengan jelas menunjukkan bahawa calon guru mempunyai pandangan positif mengenai penggunaan komputer dalam pengajaran bahasa. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa guru pelatih sedar kepentingan pembelajaran bahasa dibantu komputer tetapi mereka hanya menggunakan komputer untuk tugas mudah seperti menghantar e-mel dan menyampaikan pembentangan.

Seterusnya, kajian Taskiran, Gumusoglu dan Aydin (2018), memberi tumpuan kepada pandangan pelajar terhadap penggunaan *Twitter* sebagai platform dalam pembelajaran bahasa. 90 orang pelajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL) di sebuah universiti Turki terpilih untuk menjawab soal selidik. Peserta menjawab satu soal selidik dan menilai *Twitter*. Data dianalisis menggunakan frekuensi untuk soalan mengenai penglibatan, kepuasan dan masalah pelajar dengan *Twitter*. Soalan yang meminta pandangan, setiap jawapan pelajar disenaraikan dan diberi nombor, kemudian dikodkan, dibandingkan dan dibincangkan kemudian dikira dengan frekuensi. Hasil analisis menunjukkan pelajar bersikap positif terhadap penggunaan *Twitter* dalam pembelajaran bahasa. Pelajar berasa seronok dapat menggunakan bahasa Inggeris di luar kelas dan belajar banyak kosa kata dan dapat meningkatkan kemahiran menulis daripada rakan-rakan yang lain.

Kajian Faizi (2017) meninjau sikap dan persepsi guru terhadap penggunaan Web 2.0 dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa. Seramai 90 orang guru institusi pengajian tinggi Morocco menjawab soal selidik dalam talian. Data dianalisis menggunakan frekuensi dalam peratus untuk setiap soalan soal selidik. Hasil analisis didapati *Facebook*, *LinkedIn*, *Google+*, *Viadeo* dan *Twitter* kerap dilayari oleh guru. Guru berpendapat, teknologi Web 2.0 memberi impak positif terhadap pengajaran dan pembelajaran. Namun, guru hanya menggunakan aplikasi tersebut untuk tujuan peribadi dan mencari bahan pengajaran tetapi tidak menggunakannya untuk mengajar di dalam kelas. Didapati kurang daripada 15% guru menyatakan bahawa mereka menggunakan platform ini untuk berinteraksi dengan pelajar. Hanya 2.4% guru mencipta kandungan pendidikan dan memuat naiknya dalam laman sesawang.

Kajian Hilao dan Withadee (2017) juga menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Antara objektif kajian (1) mengetahui perbezaan penggunaan telefon antara pelajar lelaki dan perempuan, (2) mengetahui perbezaan sikap antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap penggunaan telefon bimbit, (3) mengetahui perbezaan prestasi pelajar lelaki dan perempuan, (4) mengetahui masalah yang dihadapi. Responden yang terlibat terdiri daripada 65 (lelaki), 57 (perempuan) pelajar universiti. Mereka diberi empat tugas (Aktiviti Perkataan, Aktiviti Penulisan Ringkasan, Aktiviti Penulisan Kreatif, Aktiviti Persembahan) menggunakan telefon bimbit. Data soal selidik menggunakan (1) ujian Mann-Whitney U digunakan untuk menjawab soalan penyelidikan pertama dan kedua, (2) Prestasi pembelajaran pelajar dinilai dari skor yang diterima, (3) Ujian t kumpulan tidak bersandar digunakan untuk membandingkan skor min prestasi berdasarkan jantina. Analisis kajian menunjukkan lelaki dan perempuan tiada perbezaan sikap dan jantina terhadap penggunaan telefon bimbit. Halangan yang dihadapi cuma papan kekunci (*keyboard*) dan skrin yang kecil, gangguan khidmat pesanan ringkas (SMS), memori telefon kurang dan sambungan *wifi* yang terhad di universiti. Oleh itu, untuk menggunakan telefon bimbit dalam pembelajaran bahasa halangan yang dinyatakan perlu diatasi.

Kajian pengkaji dari Korea iaitu Ko (2017) mempunyai lima objektif kajian. Objektif kajian (1) mengetahui jenis peranti yang kerap digunakan oleh pelajar ketika menyelesaikan tugas dalam talian, (2) mengetahui sebab memilih peranti tersebut, (3) mengetahui faktor-faktor pilihan peranti, (4) mengetahui pilihan peranti memudahkan usaha kognitif, (5) mengetahui tempat pelajar menggunakan peranti semasa membuat tugas. Responden kajian terdiri daripada pelajar universiti yang mengambil kursus *College English Reading* (167 orang) telah diberi tugas menyelesaikan tugas dalam talian dan kemudiannya menjawab soal selidik. Data soal selidik dianalisis menggunakan peratus dan frekuensi. Keputusan soal selidik menunjukkan bahawa separuh peserta menggunakan komputer dan setengah yang lain menggunakan telefon pintar. Komputer dipilih kerana 'penggunaan yang selesa', sedangkan pengguna telefon pintar menggunakannya kerana dapat digunakan di semua tempat. Pelajar yang menyukai penggunaan komputer melaporkan halangan menggunakan peranti tersebut kerana sukar digunakan di semua tempat. Batasan pengguna telefon pintar ialah harga data mahal dan sukar untuk menekan papan kekunci telefon. Majoriti pelajar menganggap komputer dan telefon pintar boleh digunakan sebagai alat pembelajaran. 38.0% pelajar berpendapat tidak ada perbezaan penggunaan komputer dan telefon bimbit dalam usaha kognitif mereka. Tempat yang kerap komputer digunakan ialah di rumah atau di asrama, telefon pintar pula boleh digunakan di mana-mana sahaja.

Kajian Lai, Li dan Wang (2017) bertujuan untuk mengkaji kesan tingkah laku guru terhadap niat tingkah laku pelajar untuk menggunakan teknologi dalam pembelajaran bahasa di luar bilik darjah dalam dua konteks kebudayaan iaitu Hong Kong dan Amerika Syarikat. Responden terdiri daripada 418 orang pelajar bahasa asing Hong Kong (190) dan Amerika Syarikat (228). Data dianalisis menggunakan Model Persamaan Struktur (SEM) Amos 2.0. Kajian ini memberi tumpuan kepada pengaruh tiga jenis tingkah laku guru yang berkaitan langsung dengan penggunaan teknologi. Hasil analisis mendapati bahawa tingkah laku pengajaran berkaitan teknologi di dalam kelas mempengaruhi pembelajaran pelajar menggunakan teknologi di luar kelas. Sokongan kapasiti guru ialah amalan guru paling berpengaruh yang menyumbang kepada niat pelajar untuk menggunakan teknologi di luar kelas untuk kedua-dua kumpulan kebudayaan. Sokongan afektif guru ialah peramal penting untuk pelajar Hong Kong tetapi tidak untuk pelajar Amerika Syarikat. Dapatan kajian menunjukkan perlunya program pembangunan profesional guru untuk meningkatkan kesedaran guru mengenai pelbagai cara yang boleh mempengaruhi penggunaan teknologi untuk pembelajaran bahasa di luar kelas. Guru juga perlu bertindak pelbagai peranan dan menyediakan sokongan yang diperlukan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar luar kelas.

Reka bentuk kajian kes oleh González-Carriedo dan Esprívalo Harrell (2018) dijalankan untuk mengkaji sikap sembilan orang guru dalam program dwi-bahasa terhadap penggunaan teknologi untuk pembelajaran bahasa. Kaedah yang digunakan ialah soal selidik (min, sisihan piawai), temu bual (*Atlas.ti*). Analisis temu bual dan soal selidik mendapati (1) guru-guru yakin tentang keupayaan teknologi untuk menyumbang kepada kemahiran dwibahasa pelajar (2) guru tidak pasti tentang keupayaan mereka untuk menggunakan teknologi secara berkesan di dalam bilik darjah kerana kekurangan sumber yang ada, (3) guru-guru bersikap positif terhadap penggunaan teknologi dalam pengajaran bahasa. Guru berpendapat beberapa masalah seperti latihan menggunakan teknologi, prasarana, kesuntukan masa menggunakan teknologi dan menambah perisian pengajaran bahasa Sepanyol ialah masalah yang perlu diatasi.

Kajian Wing (2018), juga menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Objektif kajian (1) mengetahui cara platform pembelajaran bahasa membentuk amalan pembelajaran pelajar, (2) mengetahui cara pelajar yang berbeza budaya dan linguistic, memanfaatkan teknologi untuk mempelajari bahasa Cina (penulisan) sebagai bahasa asing melalui ruang belajar dalam talian dan luar talian. Pelajar yang terpilih hanya dua orang daripada dua negara yang berbeza iaitu Sweden dan Jerman yang mengambil kursus bahasa secara jarak jauh. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dan menganalisis rakaman skrin serta temu bual secara dalam talian. Pelajar menggunakan platform pembelajaran bahasa dalam talian (*Memrise*) untuk belajar menulis bahasa Cina. Bahan pembelajaran diperoleh daripada platform tersebut. Namun hasil analisis daripada pemerhatian pengkaji, kedua-dua pelajar menggunakan tangan, kertas, buku nota untuk mereka berlatih menulis aksara Cina, pensel untuk memudahkan mereka memadam jika salah menulis. Kajian ini menunjukkan selain pelajar menggunakan bahan pembelajaran dalam talian, pelajar didapati menggunakan pembelajaran di luar talian untuk belajar menulis aksara Cina. Hal ini menunjukkan pelajar kreatif untuk memilih bahan-bahan sokongan untuk mencapai matlamat pembelajaran mereka, mod bukan berkaitan linguistik seperti pengalaman kerjaya responden turut penting mempengaruhi pembelajaran bahasa.

